

17 FEB 2001

Mahathir-Sabah

PENGGILIRAN KETUA MENTERI TIMBULKAN KELEMAHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Feb 17 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu daripada kelemahan sistem penggiliran ketua menteri di Sabah ia cenderung menimbulkan ketua menteri-ketua menteri yang tidak berkesan "lame duck".

Beliau berkata menukar ketua menteri setiap dua tahun, sebagaimana yang diamalkan sekarang, boleh menimbulkan kerajaan negeri yang tidak berkesan.

"Walaupun kita masih boleh hidup dengan kelemahan itu, kita kena ambil kira macam mana nak atasi masalah 'lame duck' ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-ekonomi di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini.

Beliau berkata keadaan itu adalah sama seperti di Amerika Syarikat yang mana presiden yang memasuki penggal kedua tempoh perkhidmatannya dianggap pemimpin tidak berkesan "lame duck".

"Apa dia buat orang tak begitu peduli sebab nak tunggu dia akan digantikan dengan orang lain," katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan berkaitan pertemuannya dengan beberapa pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) Sabah pada Rabu lepas berkaitan pemilihan ketua menteri yang baru.

Dr Mahathir berkata beliau kini menunggu pemimpin-pemimpin berkenaan mencatatkan secara hitam putih pendapat mereka tentang perkara itu.

Katanya lagi: "Tak ada makna kita berjumpa kalau kita tak nak mencari penyelesaian. Kalau cuma nak teruskan dengan apa yang ada itu bukan penyelesaianlah kepada masalah. Kita nak cari jalan supaya kita dapat mengatasi semua masalah."

Mereka yang bertemu dengan Dr Mahathir di pejabatnya Rabu lepas ialah Presiden Upko Tan Sri Bernard Dompok, Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) Tan Sri Joseph Kurup, Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee, Presiden Akar Datuk Pandikar Amin Mulia dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Haji Sukam, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Perdana Menteri berkata walaupun kesemua mereka memberikan mandat kepada beliau untuk membuat keputusan berhubung sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah, mereka bagaimanapun memberikan pendapat masing-masing mengenainya.

"Bukan kata bagi serah begitu saja. Dia bagilah dia punya syarat-syarat. Mandat dia bagi juga," katanya.

Beberapa pihak di Sabah dilaporkan mahu sistem penggiliran itu dihentikan, manakala ada yang berkata ia patut diteruskan.

Ia diperkenalkan pada tahun 1994 bagi membolehkan jawatan itu disandang oleh pemimpin dari Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan kaum Cina.

Tempoh dua tahun jawatan Osu sebagai Ketua Menteri bagi mewakili Bumiputera Islam tamat pada pertengahan bulan depan.

-- BERNAMA

MAM MAM RI